

Kerajaan Yakin Undang-undang Baharu Dapat Kekang Kadar Jenayah - Nancy Shukri Bernama 6 Ogos, 2013

KUCHING, 6 Ogos (Bernama) -- Kerajaan yakin undang-undang baharu yang sedang digubal bagi menggantikan Ordinan Darurat (EO) akan dapat menangani peningkatan kadar jenayah terutama yang membabitkan bekas penjenayah.

Pada masa yang sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nancy Shukri meminta rakyat memahami undang-undang baharu yang lebih tegas itu adalah demi kebaikan rakyat.

"Sudah pasti undang-undang baharu ini tidak seperti EO, tetapi akan tetap berbentuk pencegahan dan sekarang kami sedang meneliti langkah-langkah pencegahan yang akan diambil.

"Sebuah makmal yang diketuai Datuk Seri Idris Jala akan ditubuhkan selepas hari raya dan akan disertai saya sendiri, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Senator Datuk Datuk Low Paul Seng Kuan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 28 kanak-kanak di Wad Pediatrik Hospital Umum Sarawak, di sini Isnin.

Katanya kerajaan juga sedang meneliti undang-undang di negara lain termasuk Amerika Syarikat dan Singapura dalam menggubal undang-undang baharu itu.

Mengulas lanjut, beliau berkata kerajaan sedar akan kesukaran yang dihadapi polis sekarang dalam menjalankan tugas mereka terutama membabitkan bekas penjenayah.

"Kita sekarang menghadapi masalah yang serius dengan bekas penjenayah yang kembali melakukan jenayah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968526>